



PELUANG BERHARGA: Encik Danial berpeluang berinteraksi dengan pelajar daripada pelbagai latar belakang semasa berkhidmat dalam NS. – Foto BM oleh M.O. SALLEH

Timba pengalaman sejajar hasrat jadi guru

Danial dekati pelajar dengan cara bermakna semasa jadi jurulatih praktikal Pasukan Kadet Pertahanan Awam Kebangsaan

SEMASA menjalani Perkhidmatan Negara (NS), Encik Danial Matin Zaini, yang bercita-cita menjadi guru, berpeluang mengasah keupayaannya menjadi pendidik.

Beliau, yang berkhidmat dalam Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF), dikerah ke vokasyon jurulatih praktikal bagi Pasukan Kadet Pertahanan Awam Kebangsaan (NCDCC) – kegiatan kokurikular yang ditawarkan di 35 sekolah menengah.

Tugas bekas pelajar Raffles Institution berusia 21 tahun itu termasuk membimbing pelajar kaedah

menyelamat terkini, seperti kemahiran bantuan pernafasan kecemasan (CPR) dan bantuan perubatan mudah.

Selain itu, Encik Danial menjadi anggota pasukan yang menyemak semula kurikulum latihan bantuan kecemasan dan kemahiran menyelamatkan supaya ia kekal relevan dengan keperluan masa ini.

Beliau tamat menjalani NS Mac lalu. Menurut Encik Danial, yang kini mahasiswa tahun pertama di Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan Universiti Nasional Singapura (NUS), pengalamannya di NCDCC, berinteraksi dengan pel-

jar daripada pelbagai latar belakang, memberinya banyak pengetahuan berharga.

“Tidak semua pelajar berinteraksi dengan cara yang sama. Ada lebih gemar membuat tugas praktikal dengan tangan mereka sendiri, ada pula yang lebih suka belajar daripada buku,” ujarnya, yang menerima biasiswa Kementerian Pendidikan dan akan melanjutkan pengajian ke Institut Pendidikan Nasional (NIE) selepas pengajian di NUS.

Hasrat Encik Danial mendekati pelajar dengan cara bermakna terpapar pada usahanya menyenaraikan NCDCC dalam Buku Rekod Singapura tahun lalu.

Sejumlah 563 pelajar anggota NCDCC mencatat rekod bagi ‘jumlah orang paling banyak bersemenam dengan tuala’ di Hari Sukan NCDCC di Akademi Home Team.

Malah, Encik Danial secara sukarela menyertai semula NCDCC selepas tamat NS untuk menjayakan Cabaran Kemahiran Pertahanan Awam *Urban Adventure* (UACDC), iaitu satu pertandingan antara sekolah, bulan lalu.

Kelmarin, sumbangan Encik Danial kepada SCDF dan Home Team diiktiraf dalam majlis Jamuan NS50 Home Team di Istana.

Beliau antara 10 anggota NS daripada SCDF dan Pasukan Polis Singapura (SPF) yang menerima Anugerah NSF Terbaik 2017 daripada Perdana Menteri Lee Hsien Loong.

Dalam kenyataannya, Home Team berkata ia anugerah paling berprestij yang boleh dimenangi anggota NS dan diberikan kepada anggota cemerlang yang telah melaksanakan tugas dengan baik dan menunjukkan kelakuan contoh dan ciri kepimpinan.